

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 APRIL 2016**

---

**1. PEMBUNGKUSAN BAHARU KUPON JAM PARKING**

Dimaklumkan bahawa, mulai 01 April 2016, kupon jam akan mempunyai 10 helaian bagi sebuah buku berbanding 5 helaian sebelum ini. Harga sekeping untuk kupon jam (1 jam) adalah sama iaitu RM0.40. Harga sebuah kupon jam adalah pada kadar RM4.00 sebuku. Perubahan ini adalah bagi memudahkan pengguna membeli kupon dan menjimatkan masa pembelian kupon berulang kali.

**2. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN 2016**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan telah bermula pada 8 April 2016 ke atas pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran

tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP. Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Sila hubungi di talian 04-5497790/470/471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

### **3. KONFEREN KEBANGSAAN AMALAN TERBAIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA 2016**

Sukacitanya di sini, saya ingin memaklumkan bahawa Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA), di mana saya adalah Presiden, bersama-sama Majlis Bandaraya Alor Setar akan menganjurkan Konferen Kebangsaan Amalan Terbaik Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2016 pada 30 Mei 2016 (Isnin) jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar.

Konferen ini dengan tema “PERKONGSIAN KE ARAH PERKHIDMATAN 5 BINTANG” diadakan bertujuan untuk menyediakan medan perkongsian dan “*networking linkage*” di kalangan pihak pengurusan dan warga kerja PBT berkaitan

amalan terbaik; menyebarluaskan maklumat amalan terbaik terkini PBT dan berkongsi amalan terbaik dari Pihak Kerajaan Tempatan dalam dan luar negara; dan memartabatkan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia menjadi PBT unggul di hati rakyat dan bertaraf dunia. Pembentang kertas kerja adalah terdiri dari pakar-pakar dan pengamal amalan pengurusan terbaik di organisasi masing-masing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Oleh itu, saya ingin menjemput Warga Kerja Pihak Berkuasa Tempatan; agensi-agensi jabatan kerajaan dan GLC Kerajaan Negeri; IPTA dan IPTS; Jurutera Perunding / Arkitek / Pemaju Perumahan / syarikat swasta / NGO; Pelajar-pelajar sekolah menengah tinggi; Pengerusi dan Setiausaha JPP, EPU / ICU / Jabatan Pembangunan Persekutuan; dan UTC Negeri untuk turut serta dalam konferen ini.

Untuk maklumat selanjutnya, sila layari Laman Web Rasmi Konferen di alamat <http://konferenpbt.tempatan.net/>. Pendaftaran penyertaan boleh dilaksanakan melalui Laman Web Rasmi tersebut. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian Sekretariat Konferen, 04-7203828 serta menerusi e-mel [komunikasi@mbas.gov.my](mailto:komunikasi@mbas.gov.my).

#### **4. HARI PEKERJA 2016**

Sukacita dimaklumkan Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2016 (Ahad) dan 2 Mei 2016 (Isnin) adalah merupakan hari cuti gantian. Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja, khususnya pekerja-pekerja di Seberang Perai.

#### **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK**

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal meraikannya pada 21 Mei 2016 (Sabtu).

#### **6. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-13 pada 1 Mei 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah Pertandingan Mencanting Batik, *Busking*, *Gaint Bubble*, gerai jualan dan pameran, senamrobik, kaunter bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

## **7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 1 Mei 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 Mei 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**